

CNS4753

R GB 29-03 00164 BA717

bah

Mahathir - Gaji

MAHATHIR BIDAS NEGARA MAJU BERHUBUNG PERATURAN GAJI MINIMUM

Daripada Ali Mamal

NEW DELHI, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas rancangan negara-negara maju yang ingin mengenakan pembayaran gaji minimum kepada pekerja-pekerja di negara membangun.

Katanya apa yang cuba dilakukan oleh negara maju itu merupakan satu lagi usaha untuk membendung pembangunan di negara-negara membangun agar tidak dapat bersaing dengan mereka, terutama daripada segi pemasaran barangan.

"Tujuan mereka jelas, agar kita tidak dapat menjual barangan yang kita keluarkan.

"Apabila pekerja dibayar gaji yang tinggi, kilang-kilang terpaksa ditutup, pekerja-pekerja itu akan menganggur dan yang untungnya masalah pengangguran di negara maju akan dapat diselesaikan," kata beliau kepada wartawan Malaysia yang meliputi persidangan kemuncak G-15, di sini.

Dr Mahathir berkata, fokus pengenaan peraturan pembayaran gaji minimum itu nampaknya ditujukan kepada beberapa negara selatan yang turut mengeluarkan barangan untuk eksport termasuk Malaysia, Indonesia dan India. -- lagi.

▼29/03/16-39MST

CNS4754

R GB 29-03 00158 BA718

bah

Mahathir - Gaji 2 New Delhi

Katanya, ura-ura mengenakan peraturan itu timbul selepas Kumpulan Tujuh Negara Maju (G-7) mengadakan mesyuarat berhubung masalah pengangguran di negara mereka tidak lama dahulu.

Menurut Perdana Menteri, dalam keghairahan negara-negara maju mengenakan peraturan untuk dikaitkan dengan isu perdagangan dunia, mereka tidak mengambil kira realiti bahawa taraf hidup di negara membangun biasanya lebih rendah dan pekerja di negara-negara itu belum bersedia untuk hidup dalam suasana taraf hidup yang terlalu tinggi.

Sebelum ini, negara-negara maju telah mengenakan pelbagai peraturan terhadap negara membangun untuk dikaitkan dengan perdagangan seperti soal demokrasi, hak asasi manusia dan alam sekitar.

Menurutnya, beliau telah menimbulkan isu pembayaran gaji minimum itu pada sidang pleno persidangan kemuncak G-15 semalam.

Ketua-ketua kerajaan yang menghadirinya sepakat bahawa negara-negara membangun tidak mahu negara-negara Barat menekankan sistem dan persepsi mereka terhadap isu-isu demokrasi, hak asasi manusia, alam sekitar dan pembayaran gaji minimum itu. -- lagi.

▼29/03/16-40MST

CN84756

R GB 29-03 00136 BA719

bah

Mahathir - Gaji 3 New Delhi

"Sebaliknya, soal perdagangan hendaklah diasingkan daripada sebarang syarat yang tidak ada kaitan dengannya," katanya.

Katanya, negara-negara Barat seolah-olah tidak berpegang kepada janji.

Umpamanya, Amerika Syarikat masih bercakap berkenaan dengan "Super 301" iaitu mengenakan syarat kepada negara tertentu dalam dagangan mereka.

Dr Mahathir juga berkata, sidang pleno itu juga sepakat mahukan struktur Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) disusun semula agar ia lebih demokratik.

Katanya, amatlah tidak demokratik apabila ada sesuatu kuasa besar di PBB, dengan menggunakan kuasa undi vetonya, boleh menidakkan kehendak atau pendirian majoriti anggota yang lain.

"Jika ini berterusan, nampaknya cakap-cakap mereka tentang demokrasi tidak mempunyai apa-apa makna. Demokrasi hendak dipaksa ke atas semua negara lain tetapi di dalam PBB sendiri tidak ada demokrasi," katanya. --  
Lagi.

▼29/03/16-42MST

R GB 29-03 00165 BA720

bah

Mahathir - Gaji 4 (Akhir) New Delhi

Katanya, suara majoriti tidak boleh ditolak begitu sahaja semata-mata kerana lima negara besar di PBB mempunyai kuasa veto.

Dr Mahathir juga berkata, semua anggota G-15 bersependirian dengan Malaysia berhubung pecanan yang dimainkan oleh media Barat yang sentiasa memberi laporan buruk terhadap negara-negara membangun.

Bagaimanapun, katanya, sesetengah daripada anggota itu kluatir akan menjadi sasaran serangan media Barat jika mereka menyatakan pendirian yang terlalu jelas berhubung dengannya.

Katanya, yang menjadi masalah sekarang ialah negara-negara Barat beranggapan bahawa mereka mempunyai hak yang lebih daripada negara-negara lain.

"Sementara kita tidak cuba campur tangan dalam urusan dalam negara mereka, mereka berpendapat mereka bukan sahaja boleh campur tangan tetapi berhak mengarah mana-mana negara mengikut konsep-konsep mereka dan jika tidak, pelbagai tekanan akan dikenakan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, negara-negara Barat masih lagi tidak faham bahawa negara yang bebas dan merdeka berhak mengurus sendiri masalah dalam negeri masing-masing. -- Retuana

AM NMO